

24/05/2000

Tiada tambahan menteri untuk MCA

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, MCA tidak akan diberi jawatan tambahan dalam Kabinet sebagai usaha tidak mencetus sebarang perasaan tidak puas hati di kalangan parti komponen Barisan Nasional (BN).

"Dari segi jumlah jawatan dalam Kabinet, saya tidak fikir kita boleh sewenang-wenang menambah jumlahnya tanpa mencetus perasaan tidak puas hati parti-parti (BN) lain," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas sama ada BN akan menunaikan satu daripada permintaan MCA iaitu menambah jawatan Kabinet untuk parti yang mewakili kaum Cina.

Pergolakan dalam MCA mencapai kemuncak semalam apabila Presidennya, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, mengumumkan hasratnya untuk meletak jawatan sebagai Menteri Pengangkutan.

Walaupun menyatakan beliau sudah menghantar surat peletakan jawatannya kepada Perdana Menteri minggu lalu, Dr Mahathir berkata beliau belum menerima sebarang surat rasmi daripada Presiden MCA itu.

"Saya belum menerima suratnya secara rasmi. (Berikutan itu) Secara rasmi dia belum lagi meletak jawatan, jadi jika dia hendak hadir dalam mesyuarat Kabinet esok masih boleh," katanya ketika ditanya bila beliau akan menemui Dr Ling.

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata walaupun prestasi MCA terutama dalam pilihan raya umum lalu banyak membantu BN mengekalkan kedudukan sebagai kerajaan, sebarang pertambahan jawatan dalam kerajaan untuk sesuatu parti komponen perlu dilakukan dengan wajar dan adil.

"MCA telah menghasil prestasi yang baik, bagaimanapun hari ini sebuah parti itu mungkin cemerlang tetapi pada masa lain mungkin tidak begitu dan anda boleh lihat bahawa pada ketika MCA tidak begitu cemerlang kita tidak mengurangkan jumlah perwakilan mereka dalam kerajaan.

"(Jadi) Adalah tidak wajar untuk kita menyahut cabaran sesuatu kumpulan tanpa memikir masa depan parti," katanya.

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata jika mengikut pandangannya adalah tidak wajar bagi Dr Ling meletak jawatan sebagai Menteri Pengangkutan.

"Jika boleh saya akan memujuk beliau kerana beliau adalah seorang berpengalaman dalam Kabinet. Beliau telah melakukan tugas dengan baik, terutama dalam mempromosi industri perkapalan dan pelabuhan negara.

"Adalah satu kerugian jika tokoh yang begitu berpengalaman meninggalkan kerajaan," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak terkejut dengan pengumuman Dr Ling kerana telah diberitahu lebih awal.

"Beliau (Dr Ling) berasa keputusannya adalah baik untuk parti kerana ada keperluan untuk memberi laluan kepada orang muda," katanya.

Dr Mahathir yang menegaskan beliau tidak mahu campur tangan dalam pergolakan yang tercetus antara Dr Ling dan timbalannya, Datuk Lim Ah Lek, bagaimanapun berkata antara masalah parti berkenaan membabitkan pembahagian jawatan menteri yang tidak seimbang antara negeri.

"Antara masalahnya ialah apabila Lim Ah Lek membuat keputusan mengundur diri, Pahang tidak mempunyai wakil dalam kabinet dan jawatan dalam Kabinet diberi kepada orang lain di luar Pahang," katanya.

Justeru, Perdana Menteri berkata sebarang cadangan dari MCA membabitkan pelantikan jawatan ke dalam kabinet terutama isu membabitkan Timbalan

Menteri Kewangan, Datuk Chan Kong Choy, akan diberi pertimbangan sewajarnya.

Dr Mahathir juga tidak menolak kemungkinan akan mengadakan penyusunan kabinet sekiranya peletakan jawatan Dr Ling diterima.

"Jawatan Menteri Pengangkutan penting, ia tidak boleh ditukar begitu saja jadi kita kena buat sedikit pengubahsuaian. Mungkin yang sudah berpengalaman kita akan ambil dan orang baru akan mengambil tempat lain," katanya.

Menjawab soalan sama ada jawatan Menteri Pengangkutan akan terus diberi kepada pemimpin MCA, beliau berkata pihaknya perlu membuat penilaian teliti kerana kerajaan mempunyai rancangan besar untuk meningkatkan industri pengangkutan.

Perdana Menteri turut menolak tanggapan bahawa keputusan Dr Ling akan menjejaskan persediaan BN untuk menghadapi pilihan raya kecil Parlimen Teluk Kemang.

"Ini adalah sesuatu yang sering berlaku dalam parti politik, pemimpin datang dan pergi tetapi parti politik kekal," katanya.

Ditanya mengenai status Ah Lek dan sama ada beliau akan diterima semula ke dalam Kabinet sekiranya menawarkan diri, Dr Mahathir berkata ia terpulang kepada MCA dan BN sentiasa bersikap terbuka.

(END)